

Ujian keluarga bermula dengan anda

Mulakan dengan berkongsi dengan ahli keluarga anda bahawa anda telah menjalani ujian genetik, yang telah menemui perubahan dalam gen yang meningkatkan risiko barah anda.

Beritahu mereka bahawa gen yang rosak ini berlaku dalam keluarga, dan mereka mungkin mewarisinya juga.

Jika anda memerlukan bantuan, beritahu kaunselor genetik anda dan mereka boleh membantu memudahkan perbincangan tentang ujian genetik di kalangan ahli keluarga.



Keputusan ujian keluarga boleh membantu kerana hasil daripada ujian ahli keluarga anda boleh membantu mengenal pasti siapa yang membawa gen yang rosak dan mungkin berisiko tinggi mendapat darah.

Soalan Lazim

Adakah ujian ini disyorkan untuk kanak-kanak?

Ujian ramalan untuk keadaan dewasa tidak disyorkan pada individu yang berumur di bawah 21 tahun. Ujian bagi kanak-kanak hanya ditawarkan apabila terdapat kecenderungan genetik yang meningkatkan risiko barah pada kanak-kanak atau jika mereka sudah menghidap barah.

Terdapat gen yang rosak dalam keluarga saya. Mengapa hanya sebahagian daripada mereka yang mendapat barah?

Mempunyai gen yang rosak tidak bermakna anda pasti akan menghidap barah; sebaliknya, anda telah mewarisi peningkatan risiko barah. Ada juga pembawa gen yang tidak pernah mengalami barah.

Jika anda atau ahli keluarga anda berminat untuk menjalani ujian genetik, sila hubungi:

Perkhidmatan Genetik Barah

Tel: 6436 8088

csgsgroup@nccs.com.sg

Lawati laman web Perkhidmatan Genetik Barah:

<https://www.nccs.com.sg/patient-care/specialties-services/cancer-genetics-service>

Sila imbas kod QR berikut untuk mengakses laman web kami (kiri) atau membuat derma kepada CGS (kanan):

Laman web



Derma

Inisiatif pendidikan awam oleh Pendidikan Barah & Perkhidmatan Maklumat

No Dokumen CGS-EDU-PEM-271/0923

Ujian Genetik Keluarga

Berkongsi keputusan ujian genetik anda dengan keluarga



National Cancer
Centre Singapore
SingHealth

Kenyataan: Risalah ini akan digunakan sebagai rujukan untuk memudahkan pemahaman pesakit sahaja dan tidak boleh digunakan untuk pertimbangan perubahan atau membuat keputusan.

Imbas di sini untuk mendapatkan risalah ini dalam versi elektronik



Ujian genetik keluarga

Ujian ini ditawarkan kepada ahli keluarga individu yang mempunyai gen yang rosak yang meningkatkan risiko penyakit/barah (pembawa gen).

Ibu bapa, abang, kakak, dan anak pembawa mempunyai peluang 50% untuk mewarisinya dan akan disyorkan untuk menjalani ujian genetik mereka sendiri.


Apakah gen yang rosak?

Gen adalah arahan yang dituruti oleh badan kita untuk menjalankan fungsi yang berbeza. Sebahagian gen melindungi kita daripada barah.



Apabila seseorang individu mempunyai kelainan atau perubahan (iaitu, mutasi) dalam gen perlindungan barah, ia akan mengakibatkan peningkatan risiko barah.

Gen yang rosak boleh diwarisi atau turun temurun, dan tidak melangkau generasi.



Apakah keputusan yang boleh dijangkakan oleh ahli keluarga saya?

Mereka mungkin menerima dua jenis keputusan yang berbeza:



Risiko Barah Populasi Umum



Risiko Barah yang tinggi

Gen rosak keluarga tidak dikesan

- Diyakinkan bahawa mereka tidak mempunyai peningkatan risiko barah.
- Boleh mengelakkan saringan dan kebimbangan yang tidak perlu kerana anak-anak mereka tidak berisiko mewarisi gen yang rosak.



Risiko Barah Populasi Umum



Risiko Barah yang tinggi

Gen rosak keluarga dikesan

- Boleh menerima saringan awal untuk mengesan barah pada peringkat paling awal dan paling boleh dirawat.
- Pertimbangkan pembedahan mengurangkan risiko untuk mengurangkan risiko mendapat barah.

Bagaimanakah ahli keluarga saya boleh menjalani ujian mereka sendiri?

Ahli keluarga yang berminat boleh berjumpa dengan CHAS GP atau melawat poliklinik untuk mendapat rujukan kepada perkhidmatan genetik barah. Anda juga boleh menghubungi perkhidmatan kami jika anda memerlukan maklumat lanjut.

Mereka hendaklah membawa dokumen berikut semasa temujanji mereka dengan kami:

- Rekod perubatan mereka
- Laporan ujian genetik ahli keluarga mereka
- Maklumat tentang sejarah keluarga mereka yang menghidap barah/penyakit

Walau bagaimanapun, tidak semua ahli keluarga yang diuji positif akan menghidap barah.

